



An Institute of



NTU
OPEN
HOUSE
2025

Malay Studies & Education

The Teaching Scholars Programme is a premier scholars programme by Nanyang Technological University and it is administered by the National Institute of Education (Singapore).



Follow us



Scan here for
more information



Program Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Pengajian Melayu dan Pendidikan, Minor dalam Sastera Melayu

Bachelor of Arts (Honours) in Malay Studies and Education, Minor in Malay Literature

Mengapa Program ini Untuk Anda (Why this Programme is for You)

Program Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Pengajian Melayu dan Pendidikan di Institut Pendidikan Nasional (NIE) adalah program ijazah empat tahun dengan Kepujian. Ia menawarkan laluan akademik dan profesional untuk menjadi guru baharu yang berkesan di sekolah. Dalam masa empat tahun, anda tidak hanya menerima segulung ijazah tetapi pentauliah sebagai seorang guru juga. Ini merupakan penjimatan 1.5 tahun berbanding kalau anda ke universiti lain untuk mendapatkan ijazah dan kemudian ke NIE untuk mendapatkan pentauliah dalam pendidikan. Program ini berjalan selari dengan anugerah berprestij NTU-NIE, iaitu Program Guru-Cendekia atau Teaching Scholars Programme (TSP).

Perihal Kursus (About the Courses)

Sebagai guru pelatih di NIE, anda berpeluang mendalami ilmu dalam bidang Bahasa Melayu dan Pendidikan serta Sastera Melayu (minor). Anda akan menekuni bidang kurikulum dan pedagogi bahasa Melayu dan diberi latihan amali melalui kursus-kursus Pengajian Kurikulum. Bergantung pada keperluan Kementerian Pendidikan, anda dilatih untuk mengajar Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah. Selain itu, anda didedahkan kepada ilmu dan kemahiran am tentang pendidikan melalui kursus-kursus Pengajian Pendidikan (sila rujuk ke laman web NIE untuk senarai penuh kursus).

Kursus-kursus Kelolaan Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu:

MAJOR	COURSE CODE	TITLE	NO OF AUS	NTU CLASSIFICATION	COMPONENT	CLASSIFICATION
Malay Studies	AAD10A	Language Refinement and Malay Culture	3	Core	AS	Major 1 Core
	AAD10B	Malay in Context	3	Core	AS	Major 1 Core
	AAD10D	Malay Phonetics and Phonology	3	Core	AS	Major 1 Core
	AAD10E	Jawi and the Malay Language	3	Core	AS	Major 1 Core
	AAD10G	The Study of Malay Language	3	Core	AS	Major 1 Core
	AAD20A	Malay Morphology	3	Core	AS	Major 1 Core
	AAD20B	Malay Syntax	3	Core	AS	Major 1 Core
	AAD20C	Origin and Development of Malay Language	3	Core	AS	Major 1 Core
	AAD20D	Cultural Life and Practices of the Malays	3	Core	AS	Major 1 Core
	AAD20E	Sociolinguistics of Malay Language	3	Core	AS	Major 1 Core
	AAD20G	Malay Semantics and Pragmatics	3	Core	AS	Major 1 Core
	AAD30A	Discourse Analysis in Malay	3	Core	AS	Major 1 Core
	AAD30B	Malay Arts & Civilization	3	Core	AS	Major 1 Core
	AAD30D	Readings in Language Education	3	Core	AS	Major 1 Core
	AAD40A	Language Planning and Policy	3	Core	AS	Major 1 Core
	AAD40B	Bilingual Learners and Bilingual Education	3	Core	AS	Major 1 Core

Inter-Major Courses:

MAJOR	COURSE CODE	TITLE	NO OF AUS	NTU CLASSIFICATION	COMPONENT	CLASSIFICATION
Malay Studies	ACD40D	Academic Exercise - Malay Language	6	Core	AS	Inter-Major Core
Education (Primary) (Malay Language)	ACD20A	Foundations to Malay Language Teaching at the Primary Level	3	Core	CS	Major 2 Core
	ACD20B	Teaching Oral Communication in Malay at the Primary Level	2	Core	CS	Major 2 Core
	ACD30A	Teaching Reading and Writing in Malay (Lower Primary)	3	Core	CS	Major 2 Core
	ACD40A	Teaching Reading and Writing in Malay (Upper Primary)	3	Core	CS	Major 2 Core
	ACD40B	Teaching Malay Grammar at the Primary Level	2	Core	CS	Major 2 Core
	ACD40C	Assesment in Malay Language Teaching	3	Core	CS	Major 2 Core
Education (Primary) (CCE)	ACV20A	Teaching of Character and Citizenship Education (Malay) (Lower Primary)	3	Core	CS	Major 2 Core
	ACV20B	Teaching of Character and Citizenship Education (Malay) (Upper Primary)	3	Core	CS	Major 2 Core
	ACV40A	Assessment in Character and Citizenship Education (Malay)	2	Core	CS	Major 2 Core
Education (Secondary) (Malay Language)	ACD22A	Foundations to Malay Language Teaching at the Secondary Level	3	Core	CS	Major 2 Core
	ACD32A	Teaching and Assessing Reading in Malay	3	Core	CS	Major 2 Core
	ACD42A	Teaching and Assessing Writing in Malay	3	Core	CS	Major 2 Core
	ACD42B	Teaching and Assessing Malay Grammar	3	Core	CS	Major 2 Core
Education (Malay Literature)	ACF22A	Teaching of Modern Malay Literature	3	Core	CS	Major 2 Core
	ACF22B	Teaching of Traditional Malay Literature	3	Core	CS	Major 2 Core
	ACD42A	Designing Programmes and Assessment in the Teaching of Malay Literature	3	Core	CS	Major 2 Core
Malay Literature (NIE)	AAF10A	Traditional Malay Literature	3	Core	AS	BDE
	AAF10B	Modern Malay/Indonesian Literature	3	Core	AS	BDE
	AAF10C	Singapore Malay Literature	3	Core	AS	BDE
	AAF10D	Children's and Adolescent's Literature	3	Core	AS	BDE
	ACF22A	Teaching of Modern Malay Literature	3	Core	CS	Major 2 Core



Pengalaman Belajar (Learning Experience)

Di NIE, anda diajar melalui pelbagai kaedah pembelajaran yang sesuai dengan matlamat pengajaran dan pembelajaran, antaranya pembelajaran secara adunan (blended learning), bilik darjah kebalikan (flipped classroom) dan pembelajaran berteraskan masalah (problem-based learning). Anda digalakkan menggunakan pelbagai model pembelajaran (multi-modelity), ICT dan kemahiran berikir secara kritis. Untuk memupuk keyakinan diri, kemahiran lisan serta penguasaan ilmu pengetahuan akademik, anda bukan sahaja diberi kesempatan membentangkan hasil kajian malah berpeluang menerbitkan buku cerita secara berkumpulan. Di samping itu, anda dapat menjalani latihan mengajar (praktikum) di sekolah pada setiap akhir tahun pengajian.



Pengalaman Antarabangsa (International Experience)

Guru pelatih yang menerima anugerah TSP berpeluang untuk memperolehi pengalaman global melalui Program Pertukaran Pelajar (Student Exchange Programme) dan Praktikum Antarabangsa (International Practicum).

"Pembelajaran saya di NIE amat holistik. Saya diberi peluang mengalami pembelajaran di luar negara, di Norwich, UK. Pengalaman saya di UK meluaskan pandangan saya terhadap kehidupan dan pendidikan. Saya dapat mendalami teori-teori motivasi dan memahami konteks pendidikan yang berbeza. Ilmu-ilmu ini serta pengalaman di luar negara dapat menyumbang kepada pendirian saya sebagai insan dan juga guru pelatih."
- Nur Syazwani Izzati (Pelajar TSP, Program Pertukaran Sekolah, Pelajar di Universiti East Anglia, Norwich, UK)



Kehidupan Pelajar (Student Life)

Kehidupan di NIE tidak hanya berkisar pada hal-hal pengajian; penglibatan dalam kegiatan sosial, sukan dan kerja-kerja amal juga merupakan sebahagian penting dalam kehidupan pelajar. Terdapat banyak persatuan yang menantikan pelajar yang komited untuk terlibat sama. Untuk guru pelatih pengkhususan Bahasa Melayu, PERBAYU atau Persatuan Bahasa dan Budaya Melayu (NTU) merupakan persatuan yang baik untuk pertumbuhan peribadi dan pembangunan keprofesionalan guru.

Untuk maklumat lanjut tentang Program Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Pengajian Melayu dan Pendidikan, Minor dalam Sastera Melayu

sila lungsur laman web NIE: <http://www.nie.edu.sg/teacher-education/undergraduate-programmes/>

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Pemimpin Program:

Dr Roszalina Rawi

E-mel: roszalina.r@nie.edu.sg

Tel.: 6790 3524